

Soalan Lazim: Pembiayaan Peribadi-i**Q1: Apakah Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong (“PF-i”)?**

A1: Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ialah pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar keuntungan tetap yang tidak memerlukan cagaran atau penjamin.

Q2: Apakah manfaat utama PF-i?

A2:

- Pulangan tunai atas keuntungan apabila anda membayar tepat pada masa.
- Kadar keuntungan yang menarik.
- Permohonan yang mudah.
- Tempoh pembayaran fleksibel untuk 2 tahun (24 bulan) hingga 5 tahun (60 bulan).

Q3: Siapakah yang layak memohon PF-i?

A3:

- Warganegara Malaysia berumur antara 21 hingga 60 tahun yang bekerja bergaji atau bekerja sendiri (termasuk pemilik tunggal) di Malaysia dengan pendapatan minimum RM24,000 setahun.
- Warganegara Malaysia berumur antara 21 hingga 60 tahun yang bekerja bergaji di Singapura dengan pendapatan minimum SGD24,000 setahun.

Q4: Berapakah jumlah minimum dan maksimum pembiayaan yang saya boleh mohon?

A4: Amaun pembiayaan minimum ialah RM5,000 dan amaun pembiayaan maksimum ialah RM150,000. Semua amaun pembiayaan yang dimohon adalah tertakluk pada penilaian kredit.

Q5: Apakah tempoh pembiayaan minimum dan maksimum yang ada?

A5: Tempoh pembiayaan minimum ialah 2 tahun (24 bulan) manakala tempoh maksimum adalah 5 tahun (60 bulan).

Q6: Bagaimanakah saya boleh memohon PF-i?

A6:

- Kunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB
- Mohon dalam talian melalui laman sesawang HLISB
- Mohon melalui Perbankan Dalam Talian di HLB Connect Online

Q7: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran bulanan?

A7:

- Tunai atau cek di mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara
- Tunai atau cek melalui Terminal Layan Diri di cawangan HLB/HLISB.
- Arahan Tetap daripada akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i anda
- Pembayaran dalam talian melalui HLB Connect (Pengguna HLB Connect Sahaja)

- Pemindahan Inter Bank (IBG) or Duit Now
Nota: Pembayaran bagi pembiayaan melalui Kiriman Wang/Pesanan Pos tidak akan diterima mulai 2 Januari 2025.

Q8: Bagaimana saya akan menerima amaun pembiayaan?

A8: Amaun pembiayaan akan disalurkan ke akaun semasa/-i atau simpanan/-i peribadi anda yang ditetapkan. Akaun peribadi mesti dibuka, dikendalikan dan diselenggara di bawah pemohon PF-i.

Q9: Bagaimana saya menyemak status permohonan saya?

A9: Anda boleh menyemak status permohonan anda di laman sesawang HLISB di bawah "Jejaki Permohonan Saya."

Q10: Bagaimana saya tahu permohonan saya telah diluluskan atau ditolak?

A10: Anda akan dimaklumkan melalui SMS apabila permohonan pembiayaan anda diluluskan atau ditolak.

Q11: Berapakah caj pampasan?

A11: Bagi kegagalan pembayaran semasa tempoh Kemudahan, kadar pampasan sebanyak satu peratus (1%) setahun akan dikenakan ke atas pembayaran tertunggak sehingga tarikh pembayaran penuh dibuat (kadar harian).

Q12: Apakah Penyelesaian Awal?

A12: Penyelesaian Awal merujuk kepada penyelesaian baki pembiayaan sebelum tarikh matang pembiayaan.

Q13: Berapakah fi Penyelesaian Awal?

A13: Tiada fi Penyelesaian Awal untuk PF-i.

Q14: Apakah yang akan berlaku jika saya terlebih bayar untuk ansuran bulanan saya?

A14: Sebarang lebihan bayaran ansuran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan dikira dalam pembayaran ansuran bulan seterusnya.

Q15: Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

A15: Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk kami, anda boleh meninggalkan butiran perhubungan anda dengan mengklik butang "Mohon Sekarang" di sebelah kanan halaman sesawang ini. Sebagai alternatif, anda boleh merujuk Helaian Pendedahan Produk kami dengan mengklik pautan berikut:

[Helaian Pendedahan Produk Pembiayaan Peribadi-i](#)